

Filem berkesan membentuk fikiran rakyat: PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyeru usahawan industri filem Asia Pasifik memainkan peranan berkesan untuk membentuk pemikiran masyarakat menjadi maju dan berwibawa dan bukan hanya menumpukan perhatian ke arah hiburan semata-mata.

Beliau juga meminta mereka menggunakan media filem untuk memupuk semangat kejiranan di kalangan penduduk Asia Pasifik sambil menebalkan rasa kemanusiaan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusan khas sempena pembukaan Pesta Filem Asia Pasifik Ke-35 (PFAP35), selama empat hari di Kuching, Sarawak, mulai 30 Oktober. Perutusan itu dimuatkan dalam buku cenderamata PFAP35.

Pesta itu akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, di Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri Sarawak, 31 Oktober, jam 8.30 malam.

Mengenai tema PFAP35 Titian Budaya, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata tema itu amat menarik.

Katanya: "Titian adalah merupakan satu struktur yang menjadi penghubung kepada kita, dalam hubungan ini ia hendaklah melambungkan usaha kita untuk meningkatkan perhubungan dan

persefahaman antara negara-negara di rantau ini.

"Bagi mencapai tujuan itu, kita memerlukan bukan saja titian politik dan ekonomi, tetapi juga titian budaya dari segala bidang seni termasuk filem," katanya lagi.

Sementara itu, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, dalam perutusannya menyeru syarikat filem

dalam dan luar negara meninjau keindahan alam semulajadi.

Katanya, Sarawak yang kaya dengan kebudayaan dan rakyatnya dari pelbagai suku kaum adalah satu pelaburan yang menguntungkan.

Katanya: "Kerajaan negeri Sarawak akan memberi apa saja pertolongan untuk memudahkan pembikinan filem di negeri itu."